

# Kaedah ceria PTPTN

**S**IKAP liat membayar balik pinjaman pendidikan yang dinikmati oleh peminjam perlu dikikis dari dalam diri setiap peminjam, malah Rasulullah SAW pernah bersabda: "segala amal ibadat orang Islam akan tersangkut dan tidak dapat dihisab jika hutangnya tidak dilangsaikan dan dihalalkan oleh si peminjam."

Bagaimanapun, persoalan besar yang masih timbul ialah mengapa masih ada segelintir masyarakat kita begitu cuai, sukar dan sengaja melarikan diri daripada menjelaskan hutang piutang?

Sudahlah dikelilingi hutang sedia ada seperti hutang perumahan, hutang kenderaan dan hutang peribadi, malah hutang pinjaman pendidikan PTPTN juga masih liat dibayar walaupun hutang ini biasanya menjadi hutang pertama dalam hidup mereka.

Akhirnya beban membayar balik hutang melebihi pendapatan sehingga menjejaskan kemampuan menyediakan keperluan asas keluarga dan antara punca yang dikenal pasti ialah masih ada yang kurang kesedaran mengenai tanggungjawab membayar kembali hutang dan tidak mengetahui kesan jika gagal membayar hutang.

Sikap lupa diri sesetengah daripada kita yang berhutang walaupun mampu membayar serta masih mempunyai tubuh sihat sangat dikesali, malah Rasulullah SAW pernah bersabda mengenai sikap manusia yang lupa diri ini sebagaimana diriwayatkan oleh Uqbah bin Amir yang bermaksud: "Janganlah kalian membuat takut jiwa selepas ketenangannya." Mereka berkata: "Apa itu, wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Hutang."

Hadis itu menunjukkan setiap yang berhutang wajib membayarnya.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memberi ruang dan peluang rundingan kepada peminjam untuk menjelaskan bayaran balik pinjaman atau sekurang-kurangnya

berhubung dengan PTPTN untuk membincangkan terma pembayaran selanjutnya, malangnya peminjam terus berdegil dan berdiam diri meskipun banyak surat peringatan dihantar.

Sikap peminjam tegar itu sebenarnya memberi kesan besar dalam kehidupan mereka kerana jika masih tidak membayar balik pinjaman pendidikan seperti ditetapkan, tindakan penguatkuasaan saman akan diambil terhadap mereka.

Dasar dan kaedah penguatkuasaan PTPTN terhadap peminjam ingkar sebenarnya tiada beza dengan amalan standard institusi kewangan, termasuk Penghantaran Notis Peringatan Pertama, Notis Peringatan Kedua dan Notis Peringatan Ketiga oleh PTPTN adalah sama dengan kaedah yang menguruskan institusi kewangan kecuali bezanya ialah PTPTN melantik panel peguam bagi menguruskan penghantaran Notis Peringatan Ketiga, penghantaran Notis Tuntutan atau LOD (Letter Of Demand) dan pengurusan tindakan saman.

Tindakan penguatkuasaan menyenarai hitam adalah langkah PTPTN menghalang peminjam daripada ke luar negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen sebagai langkah terakhir PTPTN terhadap peminjam yang dikategorikan sebagai peminjam tegar.

Tindakan ini diambil serentak dengan pengeluaran notis tuntutan terhadap peminjam manakala implikasi lain terhadap tindakan ini ialah peminjam tidak dapat memperbaharui pasport dan permohonan pasport baru akan ditolak oleh semua cawangan Jabatan Imigresen.

Bagaimanapun, PTPTN masih memberi ruang dan peluang kepada semua peminjam untuk mengemukakan permohonan rayuan bayaran balik.

Mulai Januari 2011, PTPTN memperkenalkan kempen senyuman di kalangan warga PTPTN dengan memastikan amalan senyum diterapkan dalam penyampaian perkhidmatan dan bagi

menyemarakkan kempen itu, kain rentang "Pelanggan Gembira Kami Ceria" diletakkan di kaunter utama PTPTN termasuk di One Stop Center, KL Sentral.

Sehubungan itu, peminjam diminta tampil berhubung dengan PTPTN supaya rundingan dapat dilakukan. Sebarang permasalahan mengenai pinjaman boleh dikemukakan dengan segera kepada PTPTN seperti aduan tidak mendapat wang pinjaman pendidikan, penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan dan sebagainya.

PTPTN bersedia berbincang, malah akan sama-sama membantu peminjam menetapkan cadangan bayaran balik pinjaman pendidikan supaya "Pelanggan Gembira Kami Ceria" dapat diaplikasikan sebaik-baiknya.

Bagi peminjam yang disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen dan/atau dikenakan tindakan penguatkuasaan undang-undang, mereka perlu mengemukakan rayuan rasmi mengenai pelan pembayaran yang bakal dilaksanakan berserta semua dokumen sokongan iaitu:

- i. Surat permohonan rayuan rasmi
- ii. Surat tawaran belajar (jika masih belajar) / pengesahan pindaan tarikh tamat daripada IPT (jika masih belum tamat pengajian)
- iii. Penyata KWSP terkini (jika ada)
- iv. Salinan slip gaji terkini (jika bekerja)

Pemohonan rayuan perlu dihantar kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN.

Kerjasama dan maklum balas daripada peminjam sangat diperlukan, malah PTPTN masih memberi peluang kepada semua peminjam merundingkan pelan pembayaran yang bakal dilaksanakan walaupun peminjam mendapat perintah penghakiman daripada mahkamah dan akan dikenakan caj sehingga lapan peratus (8%) setahun.

Walau apa pun kandungan dalam artikel ini, perkara terpenting PTPTN ialah "Pelanggan Gembira Kami Ceria."